

Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia

Mohd Roslan Mohd Nor

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Email: m_roslan@um.edu.my

Wan Mohd Tarmizi Wan Othman

Politeknik Kota Melaka, Melaka

Email: w.tarmizi@yahoo.com

Abstract

The aim and purpose of education in Islam is among others to form a cohesive Muslim personal in the development of spiritual, physical, emotional, intellectual and social. It is not only produced good citizens but also covers the formation of a complete human capital in terms of religious and worldly life. In addition, the education that is based on the teachings of Islam also aimed at producing righteous human that can meet the needs of the world and life in the hereafter. The main focus of this article is about the history and development of Islamic Education subject in Malaysia. It also includes the etymology of education and the Islamic education debate from the views of scholars and academics. Discussions also focused on the development of Islamic education subject in Malaysia in the early period of Islam, development during the Western colonization and development of education in Islam after the country gained independence.

Keywords: *Islamic Education, History, Subject, Course, Malaysia*

Pendahuluan

Pendidikan Islam merupakan salah satu daripada usaha berterusan untuk menerapkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada para pelajar dan masyarakat awam. Ia merangkumi usaha memberi pengetahuan tentang agama Islam yang meliputi akidah, syariah dan akhlak. Ia menekankan kepada penghayatan terhadap akidah dan kepercayaan dalam Islam, perlaksanaan ibadat-

ibadat khusus dan umum serta memberikan panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri terhadap pencipta, manusia dan alam.¹ Dalam usaha menjadikan kehidupan seorang insan itu memiliki cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, maka ilmu yang disampaikan mestilah mengikut kaedah yang betul dan memudahkan masyarakat terutama para pelajar memahami isi kandungan agama Islam.² Aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga perlu sentiasa dinilai agar segala kelemahan dapat diperbaiki dan ditambah baik. Harapannya supaya hasil pembelajaran yang disampaikan oleh para pendidik dapat melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan serta dapat menjadikannya sebagai amalan harian dalam setiap aspek cara hidup mereka. Sehubungan itu, artikel ini cuba melihat sejauh mana Pendidikan Islam dilaksanakan dapat memenuhi matlamat yang disasarkan.

Pendidikan dari aspek Etimologi

Menurut tatabahasa Melayu, perkataan pendidikan adalah berasal daripada perkataan didik yang dikategorikan sebagai kata kerja.³ Perkataan didik dalam bentuk kata kerja ini bermaksud pelihara, menjaga dan ajar.⁴ Apabila ia diubah menjadi kata terbitan dengan penambahan awalan pen- dan akhiran -an, ia menjadi pendidikan yang bermaksud perihal mendidik, pengetahuan mendidik, didikan, latihan dan ajaran.⁵

Istilah pendidikan dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *education* yang bererti pendidikan atau latihan.⁶ Manakala dalam bahasa Arab istilah ini dikenali sebagai *tarbiah* yang bererti pemeliharaan, asuhan dan didikan.⁷ Ia juga diterjemahkan sebagai

¹ Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006), *Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

² Ghazali Darussalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 231.

³ Abdullah Ishak (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

⁴ Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 350.

⁵ *Ibid.*

⁶ Hawkins, Joyce M. (2001). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. c. 3. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 121.

⁷ Muhammad Idris al-Marbawi (1998), *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man, h. 225. Istilah *tarbiah* berasal dari akar kata *rabb* yang memberi dua

ta'lim dan *ta'dib*. Ketiga-tiga perkataan dalam bahasa Arab itu digunakan dengan membawa maksud yang tersendiri dalam menunjukkan kepada pengertian pendidikan.⁸

Dalam mentafsirkan istilah pendidikan tersebut, beberapa tokoh sarjana Islam telah mengemukakan pendapat mereka masing-masing. Al-Hazimi memetik pandangan Al-Baidawi yang menyatakan pendidikan ialah satu proses menyampaikan sesuatu perkara sehingga mencapai kesempurnaan yang dilakukan secara berperingkat-peringkat.⁹ Beliau juga mengemukakan pandangan al-Asfahani yang mendefinisikan pendidikan sebagai proses membentuk sesuatu yang dilakukan secara berperingkat dan tersusun sehingga mencapai kepada keadaan yang paling sempurna.¹⁰

Menurut Hasan al-Sharqawi, pendidikan ialah mengajak manusia kepada sesuatu yang mempunyai kaitan dengan penciptanya, yang membawa kepada jalan yang sama dengan akidah Islam.¹¹ Manakala menurut Fathi Yakan pula pendidikan secara umumnya adalah satu proses untuk membina individu dan masyarakat berdasarkan asas kefahaman ideologi dan nilai murni yang khusus.¹² Bagi Imam al-Ghazali, seperti yang dipetik oleh Abdullah al-Qari, menyatakan bahawa pendidikan ialah memperkembangkan bakat dengan cara menghindarkan segala penghalang atau rintangan.¹³

Syed Muhammad Naquib al-Attas menterjemahkan pendidikan sebagai satu proses menanam sesuatu ke dalam jiwa manusia. Beliau menghuraikan proses “menanam” tersebut adalah merujuk

konotasi, pertama ialah “Tuhan” dan yang kedua “Yang mendidik alam ini”, dimana di dalamnya terdapat makhluk-makhluk seperti langit, bumi, cakerawala, malaikat, jin, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia. Lihat Ghazali Basri (1984), “Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 1.

⁸ Hasan Langgulung (1997), *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

⁹ al-Hazimi, Khalid Bin Hamid (2000), *Usul al-Tarbiah al-Islamiyyah*. Madinah al-Munawwarah: Dar 'Alim al-Kutub, h. 19.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ al-Sharqawi, Hasan (1983), *Nahw Tarbiah Islamiyah*. Iskandariah: Muassasah Thiyab al-Jami'ah, h. 13.

¹² Fathi Yakan (1997), *al-Tarbiah al-Wiqaiyyah fi al-Islam*, c. 2. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 20.

¹³ Abdullah al-Qari Hj. Salleh (1989), *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. c. 3. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 37.

kepada metode dan sistem yang dipanggil pendidikan sebagai menyampaikan ilmu secara menanamkan gagasan-gagasan ini sedikit demi sedikit. Manakala “sesuatu” pula diterjemahkan sebagai kandungan kepada tanaman tersebut dan “jiwa manusia” pula merujuk kepada penerima proses dan kandungan itu.¹⁴ Walau bagaimanapun, beliau lebih menekankan penggunaan perkataan *ta'dib* berbanding *tarbiah* ketika menghuraikan perkataan pendidikan dari sudut bahasa Arab.¹⁵

Hasan Langgulung menyatakan maksud pendidikan dalam dua pengertian. Pendidikan dalam erti kata yang umum meliputi hampir semua bidang aktiviti manusia daripada yang paling sederhana hingga kepada aktiviti yang kompleks. Pendidikan dalam erti yang khusus pula meliputi aktiviti manusia untuk memelihara kelangsungan hidupnya sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat.¹⁶

Abdul Halim Mat Diah pula mentakrifkan pendidikan sebagai proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk membentuk keperibadian yang tertentu berdasarkan cita-cita dan falsafah hidupnya.¹⁷ Menurut Abdullah Ishak, pendidikan bermaksud proses melatih akal, fizikal, moral, perasaan dan kemasyarakatan untuk menjadi manusia yang baik dan warganegara yang baik.¹⁸ Manakala mengikut pandangan Daulay, pendidikan secara teorinya ialah suatu perkara yang lahir hasil daripada pemindahan ilmu, nilai dan tingkah laku. Ianya berlaku sama ada melalui pendidikan formal atau tidak formal.¹⁹

Daripada beberapa pengertian pendidikan yang dikemukakan oleh para ahli ilmuan di atas, maka penulis membuat kesimpulan bahawa pendidikan merupakan satu proses menyampaikan ilmu kepada seorang yang belum memiliki untuk diguna pakai oleh individu tersebut dalam kehidupan sehari-hari.

¹⁴ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999), *The Concept of Education in Islam*. c. 3. Kuala Lumpur: ISTAC, h. 13.

¹⁵ *Ibid.*, h. 27.

¹⁶ Hasan Langgulung (1986), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. viii.

¹⁷ Abdul Halim Mat Diah (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 43.

¹⁸ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 12.

¹⁹ Haidar Putra Daulay (2009). *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: PT RINEKA CIPTA, h. 2.

Pengertian Pendidikan Islam

Perkataan pendidikan Islam apabila ia digabungkan, akan memberikan satu pengertian yang berbeza dengan maksud pendidikan. Hasan al-Sharqawi menyifatkan pendidikan Islam sebagai satu kefahaman terhadap ajaran Islam yang membawa seorang manusia kepada menjauhi diri dari sifat-sifat tercela dan mendekatkan diri dengan sifat-sifat terpuji. Semuanya ini akan dapat mencerdikkan akal, menguatkan tubuh badan, membersihkan diri dan menyucikan hati tanpa menjadikan salah satu daripadanya melemahkan yang lain. Baginya, pendidikan Islam ialah satu usaha untuk menyeimbangkan dan menyamakan diantara kekuatan yang ada pada tubuh badan dan antara kekuatan diri dan hubungannya dengan Allah, kejadian sekeliling dan manusia seluruhnya.²⁰

Fathi Yakan menyatakan bahawa pendidikan Islam ialah proses membina individu dan masyarakat berdasarkan paksi Islam sama ada dalam aspek pegangan, pemikiran mahupun perbuatan. Proses pendidikan dalam Islam ialah bermatlamat untuk membina individu dan masyarakat berdasarkan kefahaman Islam yang sempurna tanpa campur tangan unsur-unsur yang lain. Hasilnya, pembinaan individu muslim akan menjadi binaan yang sempurna, seimbang dan terkawal.²¹

Abdullah Nasih Ulwan memberikan definisi tersendiri terhadap maksud pendidikan Islam. Beliau mengkhususkan maksud pendidikan Islam ini kepada pendidikan anak-anak. Pendidikan Islam menurut beliau adalah berusaha untuk menyediakan dan membentuk anak didik agar menjadi anggota masyarakat yang baik dan menjadi manusia yang soleh di dalam kehidupan ini.²² Pendidikan untuk anak-anak yang beliau gariskan adalah bermula daripada pemilihan pasangan hidup, kemudian setelah anak itu lahir sehingga sampai ianya meningkat dewasa.²³ Beliau turut menggambarkan bahawa pendidikan Islam yang ideal ialah meliputi aspek-aspek pendidikan keimanan, akhlak, jasmani, akal, psikologi, sosial dan seks.²⁴

²⁰ al-Sharqawi, Hasan (1983), *op.cit.*, h. 13.

²¹ Fathi Yakan (1997), *op.cit.*, h. 20.

²² Abdullah Nasih Ulwan (1988), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 18.

²³ *Ibid.*, h. 20.

²⁴ *Ibid.*, h. 176.

Abdul Halim El-Muhammady mendefinisikan pendidikan Islam sebagai proses melatih dan mempertingkatkan rohani, jasmani dan akal manusia berdasarkan kepada nilai-nilai yang bersumberkan wahyu seperti al-Quran dan al-Sunnah untuk melahirkan manusia yang bertaqwa dan sentiasa mengabdikan diri kepada Allah.²⁵

Abdul Halim Mat Diah menyatakan maksud pendidikan Islam sebagai proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk mencapai tujuan membentuk muslim berdasarkan ajaran-ajaran Islam.²⁶

Menurut Abdullah Ishak, pendidikan Islam ialah suatu proses bagi melatih dan mendidik akal, jasmani, rohani dan nilai kemasyarakatan serta akhlak manusia berdasarkan nilai-nilai Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dalam usaha melahirkan manusia yang sempura dan bertaqwa kepada Allah s.w.t.²⁷

Azyumardi Azra memberikan definisi pendidikan Islam sebagai suatu proses pembentukan individu berdasarkan ajaran-ajaran Islam seperti mana yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w.²⁸

Shamsul Nizar pula mendefinisikan pendidikan Islam sebagai rangkaian proses yang sistematik, terencana dan komprehensif dalam usaha mentafsirkan nilai-nilai kepada anak didik, mengembangkan potensi yang ada pada diri anak didik, sehingga anak didik mampu melaksanakan tugasnya di muka bumi dengan sebaik-baiknya sesuai dengan nilai-nilai ketuhanan yang didasarkan pada ajaran agama dalam semua aspek kehidupan.²⁹

Ghazali Darussalam berpendapat bahawa pendidikan Islam adalah segala bentuk pengajaran dan pendidikan yang diterima oleh umat Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Beliau menafikan bahawa pendidikan selain yang dinyatakan tersebut adalah pendidikan asing.³⁰

²⁵ Abdul Halim El-Muhammady (1984), "Pendidikan Islam: Skop dan Matlamat", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 1. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 11.

²⁶ Abdul Halim Mat Diah (1989). *op.cit.*, h. 44.

²⁷ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 12.

²⁸ Azyumardi Azra (1998), *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, h. 5.

²⁹ Shamsul Nizar (2001), *Pengantar Dasar-dasar Pemikiran Pendidikan Islam*. Jakarta: Gaya Media Pratama, h. 94.

³⁰ Ghazali Darussalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 2.

Rata-rata tokoh pendidikan menterjemahkan maksud pendidikan Islam adalah berdasarkan maksud pendidikan yang telah dikemukakan dari awal perbincangan. Kemudian perkataan pendidikan digabungkan dengan perkataan Islam yang menjadikan pendidikan berdasarkan ajaran Islam. Jadi dapatlah disimpulkan di sini bahawa pendidikan Islam ialah suatu proses menyampaikan ilmu kepada seseorang dalam usaha untuk membentuk peribadi dan sahsiah dalam kehidupan sehari-hari yang berlandaskan ajaran Islam. Hal ini agar tempat kembali seseorang di akhirat nanti ialah di tempat yang baik sebagai balasan mengamalkan ilmu berlandaskan pendidikan Islam yang diterima semasa hidup di dunia.

Perkembangan Matapelajaran Pendidikan Islam di Malaysia

Perlaksanaan pelajaran pendidikan Islam di Malaysia (sebelum merdeka dikenali sebagai Tanah Melayu) telah bermula sejak Islam mula bertapak di Melaka sekitar abad ke 14 lagi. Namun sistem pendidikan Islam pada waktu itu merupakan sistem pendidikan yang tidak formal. Dalam hal ini, tidak terdapat peruntukan undang-undang khusus yang mewajibkan pendidikan Islam diajar kepada semua anak-anak Islam. Pendidikan Islam mula diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1960, kerajaan mula melaksanakan undang-undang pendidikan berdasarkan kepada Laporan Rahman Talib. Hasil daripada laporan tersebut, kerajaan telah menguatkuasakan satu akta iaitu kewajipan memberikan pendidikan agama Islam kepada murid-murid agama Islam di setiap sekolah yang murid-murid beragama Islam berjumlah 15 orang atau lebih.³¹

Pendidikan Tinggi Islam pula dilaksanakan di Tanah Melayu bermula pada tahun 1955 apabila Kolej Islam Malaya ditubuhkan. Institusi pengajian tinggi Islam mula dilihat sebagai keperluan kepada masyarakat apabila semakin banyak sekolah-sekolah agama didirikan. Bagi memenuhi keperluan terhadap pertambahan pelajar-pelajar jurusan agama Islam yang semakin meningkat, maka dibina beberapa buah kolej Islam dan universiti Islam sebagai memenuhi tuntutan tersebut. Selain itu di beberapa buah universiti yang tidak menfokuskan kepada pengajian Islam secara sepenuhnya menuju-

³¹ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 7.

kan jabatan dan fakulti pengajian Islam. Turut diperkenalkan kursus Tamadun Islam di semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Dengan ini, pengajian agama Islam turut diajar secara tidak langsung di semua institusi pengajian di Malaysia.³²

Perkembangan Pendidikan Islam Pada Awal Zaman Kedatangan Islam

Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia tidak dapat dipastikan secara tepat bila ianya bermula.³³ Namun perkara ini dapat dilihat kepada latar belakang sejarah kedatangan agama Islam ke negara ini yang dikenali dengan nama Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu dan aktiviti serta kegiatan pendidikan yang berlaku pada waktu tersebut.³⁴ Apabila Raja Melaka yang pertama iaitu Parameswara (kemudian dikenali sebagai Megat Iskandar Syah) telah memeluk Islam pada 1414M, maka bermulalah perkembangan sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu pada waktu itu. Keislaman baginda turut diikuti oleh para pembesar kerajaan dan rakyat jelata. Bagi memantapkan kefahaman tentang Islam, baginda mempelajari Islam daripada para ulama dan pendakwah yang datang berdakwah ke Melaka.³⁵

Perkara yang sama turut dilakukan oleh raja-raja Melaka yang lain. Sebagai minat dan kecintaan yang mendalam para pemerintah terhadap ilmu, istana dijadikan sebagai salah satu tempat mempelajari ilmu. Bukan setakat itu sahaja, mereka turut memberikan sanjungan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan Islam, ulama-ulama, kitab-kitab agama dan hari-hari kebesaran Islam. Hal ini membuktikan mereka mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap Islam dan sistem pendidikannya hasil pengorbanan para pendakwah Islam ketika itu.³⁶

³² *Ibid.*, h. 19.

³³ Muhd Nur Manutu (1984), "Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Beberapa Analisa Kritis Terhadap Pemikiran-pemikiran Asas Dalam Perspektif Sejarah", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 46.

³⁴ Mohd Roslan Mohd Nor, et. al. (2008), "Madrasah System in Malaysia: Its Contribution and Challenges" (Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Area Studies, anjuran National Institute of Humanities, Japan & Asia-Europe Institute, Malaysia, 22-24 November 2008).

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 127.

Para pemerintah Melaka turut menggalakkan rakyat jelata supaya memberikan perhatian yang berat terhadap amalan agama disamping penglibatan para pemerintah sendiri dalam hal tersebut. Sebagai contoh perkara ini dapat dilihat dalam tindakan Sultan Muhammad Syah apabila menyambut kedatangan bulan Ramadhan, baginda memuliakan bulan tersebut terutama pada malam Dua Puluh Tujuh disamping menunaikan sembahyang Tarawih di masjid bersama-sama rakyat. Begitu juga sanjungan tinggi yang diberikan pemerintah kepada kitab-kitab agama dan hukum-hukum agama. Salah seorang pemerintah Melaka iaitu Sultan Mansur Syah memberikan penghormatan yang begitu tinggi dan memuliakan *Kitab Darul Mazlum*,³⁷ iaitu sebuah kitab tasawuf karangan Maulana Abu Ishaq dari Mekah. Kitab itu dibawa ke Melaka oleh Maulana Abu Bakar.³⁸ Baginda menghantar kitab tersebut ke Pasai untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Baginda turut menghantar Tun Bija Wangsa ke Pasai bagi mendapatkan penjelasan daripada ulama Pasai, Makhdum Musa berkenaan dengan kedudukan ahli syurga atau neraka sama ada kekal atau tidak di dalamnya.³⁹

Oleh kerana para pemerintah, pembesar negeri dan rakyat jelata yang sama-sama melibatkan diri dalam mengembangkan agama dan ilmu pengetahuan Islam di Melaka pada waktu itu, maka terdapat berbagai-bagai institusi pengajian sama ada rumah, masjid, surau atau istana sebagai pusat dakwah dan aktiviti keilmuan. Sistem pendidikan Islam yang diwujudkan pada waktu tersebut ialah kelas mengaji al-Quran. Ia merupakan pelajaran utama kepada semua lapisan masyarakat ketika itu walaupun tidak dilakukan secara formal.⁴⁰ Pada waktu itu juga diperkenalkan huruf jawi bagi memudahkan penduduk tempatan mempelajari huruf-huruf Arab yang menjadi tunjang kepada pembacaan al-Quran. Huruf jawi adalah berindukkan huruf Arab campuran Parsi. Ia turut mengikat satu perpaduan bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu. Jesteru

³⁷ Ibid.

³⁸ Mohammad Redzuan Othman (2006), "The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Late Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya", (Kertas Kerja yang dibentangkan di Persidangan Persatuan Sejarah Dunia yang ke 15 yang diadakan di California, Amerika Syarikat pada 22-25 Jun 2006).

³⁹ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 127.

⁴⁰ Ramlah Adam (1991), *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

pembacaan al-Quran menjadi lebih mudah.⁴¹ Pada peringkat awal, kelas pengajian al-Quran dilakukan di rumah guru yang mengajar al-Quran. Apabila bilangan pelajar-pelajar mulai bertambah, kelas al-Quran kemudiannya berpindah ke surau dan masjid.⁴²

Selain al-Quran yang menjadi pengajian dasar, pendidikan Islam di Melaka terus berkembang apabila ia turut menjadi pusat pengajian ilmu Fiqah, Tauhid, Tafsir, Sejarah, Tasawuf dan Falsafah Islam sebagai kurikulumnya. Kegiatan yang dilakukan ini tidaklah berbeza daripada pendidikan yang dilakukan di zaman Rasulullah, para sahabat dan tabiin. Struktur pendidikan dan kurikulumnya hampir sama iaitu penekanan dibuat kepada pembacaan, penulisan dan pengajian al-Quran di samping ilmu-ilmu asas agama. Selain Melaka yang terkenal sebagai pusat pengetahuan agama dan pendidikan Islam, negeri-negeri lain seperti Johor, Pahang, Jambi, Kampar, Bangkalis, Bentan dan Gugusan Pulau-Pulau Melayu yang lain turut mendapat tempat dikalangan penduduk tempatan terutama pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (1459-1477).⁴³

Perkembangan Pendidikan Islam Pada Zaman Penjajahan Barat

Bermulanya kejatuhan Melaka pada 1511M⁴⁴ ke tangan penjajah menjadikan bangsa Melayu mulai memasuki zaman kegelapan sama ada dalam bidang ekonomi, politik, kebudayaan, agama dan pendidikan. Kedatangan Barat ke Alam Melayu khususnya ke Melaka bertujuan memusnahkan pusat penyebaran Islam dan pendidikan Islam di rantau ini selain motif politik dan ekonomi. Penaklukan mereka ke atas Tanah Melayu khususnya merupakan suatu jalan dan cara untuk mereka menghalang perkembangan agama dan ilmu pengetahuan Islam serta dapat menghidupkan fahaman Kristian terhadap para penduduk.⁴⁵

⁴¹ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h.. 130.

⁴² Ahmad Mohd. Salleh (2004), *Pendidikan Islam. Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd., h. 49.

⁴³ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 131.

⁴⁴ Ahmad Jelani Halimi (2008), *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 236.

⁴⁵ Auni Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 59.

Walaupun para penjajah tidak berjaya menukar akidah umat Islam yang sudah dipengaruhi dan dibentuk dengan konsep Islam yang sebenar, kedatangan mereka sedikit sebanyak mengganggu gugat perjalanan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu. Sebagai contoh, ketika Portugis menjajah Melaka mereka mengambil sikap berdiam diri tanpa melakukan apa-apa inisiatif dalam membantu perkembangan agama dan pendidikan Islam pada waktu itu. Kegiatan agama dan pendidikan Islam menjadi perlahan. Disamping itu, kegiatan dakwah berjalan dalam situasi yang tidak menonjol. Ada yang berpendapat kegiatan dakwah terpaksa dijalankan secara rahsia bagi mengelakkan tentang ganas daripada penjajah sewaktu penjajahan Belanda di Tanah Melayu.⁴⁶

Sebelum penubuhan sekolah Melayu oleh pemerintahan Inggeris, sistem pendidikan Islam dilaporkan masih berjalan seperti biasa. Menurut catatan Abdullah Munshi semasa lawatan beliau ke Melaka, Singapura dan Pulau Pinang, terdapat sekolah-sekolah al-Quran yang dilaksanakan di negeri-negeri tersebut.⁴⁷ Selepas tahun 1854, sekolah al-Quran mula berubah corak apabila ia diambil alih oleh pemerintahan Inggeris melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris. Sekolah-sekolah agama ini diberi bantuan penuh dengan syarat ia mengadakan matapelajaran membaca, menulis dan ilmu hisab disamping pelajaran agama dan membaca al-Quran. Bangunannya digunakan sebagai sekolah Melayu pada waktu pagi dengan mendapat bantuan penuh daripada pemerintahan Inggeris manakala sekolah al-Quran pula dilaksanakan pada waktu petang di bangunan yang sama. Perkara ini dinyatakan dalam Kod Pelajaran (Education Code) bahagian 5 Undang-Undang Pelajaran Melayu di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Bersekutu tahun 1936 dalam senarai tugas Penolong Nazir Melayu Sekolah.⁴⁸

Walaupun penjajah dapat menubuhkan sekolah Melayu dan mengasingkan sekolah al-Quran di sebelah petang, namun masyarakat Melayu tetap mengekalkan asas pendidikan Islam yang menjadi warisan agama dan bangsa. Mereka berjaya mempertahankan institusi tradisional Melayu yang menjadi warisan sejak turun

⁴⁶ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 133.

⁴⁷ Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam Mengikut Shor2 Penyata Razak 1965, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

⁴⁸ *Ibid.*, h. 2.

temurun. Sistem pendidikan Islam masih menjadi tumpuan para pelajar. Ada ibu bapa yang sanggup mempertingkatkan lagi tahap pengajian anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi dengan menghantar ke luar negeri seperti Pattani, Mekah, Mesir dan negara-negara yang lain. Apabila mereka telah tamat pengajian dan kembali ke Tanah Melayu, golongan inilah yang meneruskan sistem pendidikan Islam dengan meluaskan lagi sistem yang sedia ada dengan membuka institusi-institusi pengajian yang lebih tinggi tarafnya yang dikenali sebagai "Pondok".⁴⁹

Pengajian pondok bermula dan berkembang daripada aktiviti pengajaran di masjid yang menjadi rumah Allah dan tempat pertemuan masyarakat Islam. Pelbagai aktiviti dan kegiatan keagamaan dilaksanakan di pondok bagi mendedahkan masyarakat tentang segala permasalahan dalam Islam seperti hukum hakam, akidah, dan masalah-masalah lain yang bersangkut paut dalam soal agama Islam.⁵⁰

Bertitik tolak daripada sistem pondok, pendidikan Islam diperkemaskan lagi melalui sistem madrasah atau sekolah agama yang dilengkapi dengan infrastruktur dari segi bangunan sekolah, asrama, kemudahan rekreasi dan pejabat pentadbiran.⁵¹ Institusi ini lahir semasa gerakan islah di Timur Tengah sedang rancak berlaku. Kesan gerakan islah di sana turut membawa perubahan di Tanah Melayu apabila pelajar-pelajar yang belajar di Universiti al-Azhar, Mesir kembali ke Tanah Melayu membawa bersama perubahan ini. Mereka berusaha untuk mengubah sikap orang Melayu supaya memahami Islam dalam bentuk yang lebih lengkap. Salah seorang tokoh yang terlibat dalam usaha untuk mengubah sistem pendidikan yang lebih sistematik ialah Syed Syeikh al-Hadi. Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah di Bukit Mertajam, Seberang Prai pada tahun 1906. Madrasah tersebut dikenali dengan nama al-

⁴⁹ Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 137. Istilah "Pondok" berasal dari bahasa Arab yang bermaksud tempat tinggal sementara. Dalam konteks ini, pondok adalah institusi pengajian bagi para pelajar yang datang menghuni dalam jangka masa sementara dan ia didirikan dalam kawasan tertentu di perkelilingan pusat pengajian yang berasaskan masjid, surau dan lain-lain. Lihat Shafie Abu Bakar (1984), "Ke Arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 27.

⁵⁰ Shafie Abu Bakar (1984), *op.cit.*, h.27.

⁵¹ Ghazali Darussalam (2004), *op.cit.*, h. 122.

Madrasah al-Misriyah.⁵² Seterusnya pada tahun 1907, ditubuhkan pula madrasah di Singapura yang dikenali dengan nama Madrasah Iqbal dan Madrasah al-Hadi pada tahun 1917 di Banda Kaba, Melaka.⁵³

Pada tahun 1952, satu ordinan pelajaran telah digubal yang dinamakan sebagai Ordinan Pelajaran 1952. Dalam ordinan tersebut diadakan peruntukan Seksyen 70 mengenai pelajaran agama Islam dan menjadikannya sebagai sebahagian kursus-kursus pelajaran di sekolah bantuan kerajaan.⁵⁴ Pelajaran Agama Islam terus mendapat perhatian yang wajar daripada kerajaan apabila Syor Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Laporan Razak) mencadangkan agar mana-mana sekolah yang jika murid-muridnya tidak kurang daripada 15 orang yang beragama Islam, maka pelajaran agama yang diberikan kepada mereka hendaklah di bawah peruntukan oleh kerajaan.⁵⁵ Cadangan tersebut diterima oleh kerajaan dan dimasukkan dalam Seksyen 49, Ordinan Pelajaran 1957. Selain itu, turut ditetapkan bahawa sekolah yang mempunyai murid Islam melebihi 15 orang diwajibkan mengadakan kelas agama Islam. Peruntukan masa juga ditetapkan untuk kelas agama Islam isitu sekurang-kurangnya dua jam seminggu.⁵⁶

Perkembangan Pendidikan Islam Selepas Merdeka

Perkembangan pendidikan Islam terus rancak apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Perkara ini dapat dilihat kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam perundangan dan syor kerajaan dalam perkara berkaitan. Sebagai contoh, di dalam Ordinan Pelajaran 1957 tidak menetapkan kuasa pihak yang menguruskan tentang perbelanjaan melaksanakan pelajaran agama Islam menyebabkan perlaksanaan pelajaran agama Islam tidak berjalan dengan sistematik. Jadi di dalam Syor Penyata Abdul Rahman Talib 1960, perkara berkaitan perbelanjaan dinyatakan secara terperinci iaitu segala perbelanjaan berkaitan pelajaran agama Islam ditanggung oleh Kementerian Pelajaran.⁵⁷

⁵² Ahmad Kilani Mohamed (2003), *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 30.

⁵³ Muhd Nur Manutu (1984), *op.cit.*, h. 46.

⁵⁴ Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *op.cit.*, h. 3.

⁵⁵ Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, h. 22.

⁵⁶ Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *op.cit.*, h. 5.

⁵⁷ *Ibid.*

Berdasarkan cadangan tersebut, Akta Pelajaran 1961 telah mengadakan peruntukan berkaitan peruntukan kewangan selain mewajibkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan mengadakan pelajaran agama Islam kepada murid-murid selama dua jam seminggu sekiranya di sekolah tersebut terdapat seramai 15 orang murid Islam atau lebih. Pada tahun 1962 iaitu tahun Akta Pelajaran 1961 mula dikuatkuasakan, pelajaran agama Islam telah diadakan dalam jadual waktu pelajaran biasa kepada murid-murid yang beragama Islam⁵⁸ dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran sebanyak 120 minit seminggu.⁵⁹

Guru-guru agama juga dilantik untuk mengajar matapelajaran tersebut. Dengan terlaksananya akta ini, murid-murid Islam terjamin mendapat pendidikan Islam selama sebelas tahun iaitu enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Memandangkan hal ehwal agama Islam berada di bawah kuasa Yang Dipertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, sukatan pelajaran pendidikan Islam hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja sebelum dilaksanakan di sekolah-sekolah. Maka sukatan matapelajaran agama Islam yang pertama untuk sekolah bantuan kerajaan telah disusun pada tahun 1959. Ia telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja dan dilaksanakan mulai dari tahun 1962 hingga 1967.⁶⁰

Pada tahun 1967, sukatan pelajaran pendidikan Islam sekali lagi disusun oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada wakil Kementerian Pelajaran, Kolej Islam dan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri. Sukatan tersebut telah disemak oleh jawatankuasa peringkat Kementerian Pelajaran sebelum dikemukakan kepada Majlis Penasihat Raja-Raja Melayu yang mengandungi wakil-wakil daripada pihak berkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kerajaan Negeri. Sukatan tersebut kemudiannya dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja pada bulan April 1967 dan disiarkan dalam Warta Kerajaan. Sukatan tersebut mula dilaksanakan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan mulai awal sesi persekolahan tahun 1968. Isi kandungan pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah mengandungi beberapa perbezaan sesuai dengan tahap dan umur murid-murid.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 6

⁵⁹ Ahmad Mohd. Salleh (2004), *op.cit.*, h. 77.

⁶⁰ Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *op.cit.*, h. 6-7.

Sukatan pelajaran agama Islam di sekolah rendah mengandungi perkara-perkara yang mustahak dipelajari oleh murid-murid dan disusun sesuai mengikut umur serta kebolehan mereka. Antaranya ialah akidah, ibadah, sejarah rasul-rasul, budi pekerti dan bacaan al-Quran. Manakala sukatan pelajaran sekolah menengah pula mengandungi perkara-perkara yang mustahak diketahui oleh tiap-tiap orang Islam pada peringkat akil baligh. Sukatan tersebut juga disesuaikan dengan keperluan masyarakat dan kepentingan negara. Antaranya ialah fiqah, tauhid, sejarah Islam, ayat al-Quran dan hadis. Namun tidak semua aspek dalam kehidupan dapat dimuatkan pada peringkat ini memandangkan masa yang diperuntukkan kepada pelajaran ini adalah terhad dan bebanan matapelajaran yang lain yang mesti dihadapi oleh murid-murid.⁶¹

Sebelum Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan, matapelajaran pendidikan Islam tidak wajib diambil dalam peperiksaan seperti peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) walaupun ianya wajib dipelajari.⁶² Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran telah mengeluarkan satu laporan menyeluruh berkaitan aspek pendidikan negara termasuklah kurikulumnya. Hasil kajian tersebut, KBSR telah digubal dan dilaksanakan secara keseluruhan-nya pada 1983. Ianya diteruskan diperingkat sekolah menengah pada tahun 1988 iaitu setelah enam tahun KBSR dilaksanakan di sekolah rendah dengan nama Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).⁶³

Pada waktu itu juga matapelajaran pendidikan Islam dijadikan matapelajaran teras di peringkat menengah rendah dan menengah tinggi. Selaras dengan itu, ia diwajibkan di dalam peperiksaan. Manakala pada peringkat menengah atas terdapat matapelajaran pendidikan Islam sebagai matapelajaran elektif selain Pendidikan Islam iaitu Tasawur Islam, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan Pendidikan Syariah Islam.⁶⁴

⁶¹ *Ibid.*, h. 8.

⁶² Kementerian Pelajaran Malaysia (1979), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 71.

⁶³ Kementerian Pelajaran Malaysia (1992), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, h. 1.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 13 - 17.

Semasa Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan, matapelajaran pendidikan Islam memberi penekanan kepada asuhan dan latihan membaca al-Quran dan asas pelajaran agama Islam yang meliputi akidah, ibadah, sirah rasul dan budi pekerti dimana aspek-aspek amali dititikberatkan.⁶⁵ Matapelajaran pendidikan Islam terus diperkemaskan setelah diperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1993 bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah.⁶⁶ Matapelajaran pendidikan Islam ditambah satu lagi bidang iaitu bidang asas akhlak Islam. Ini menjadikan matapelajaran pendidikan Islam mempunyai tiga bidang iaitu asuhan al-Quran, asas syariah Islam dan asas akhlak Islam. Penambahan ini bertujuan untuk membentuk perilaku murid Islam kearah mengamalkan nilai-nilai yang terpuji.⁶⁷

Matapelajaran pendidikan Islam terus diperkasakan lagi dengan kewujudan program j-QAF iaitu singkatan kepada jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain. Program yang telah diilham oleh bekas Perdana Menteri yang kelima iaitu Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi bertujuan untuk memperkuuhkan penguasaan jawi, memastikan murid-murid khatam al-Quran di sekolah rendah, mewajibkan pelajaran bahasa Arab dan memantapkan amalan dan penghayatan fardu ain. Program j-QAF adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkasakan pendidikan Islam dan sekaligus memantapkan sistem pendidikan kebangsaan.⁶⁸ Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2005 untuk pelajar-pelajar sekolah rendah. Ia dijangka akan mula dilaksanakan di sekolah menengah apabila semua tahap di sekolah rendah telah dilaksanakan sepenuhnya.⁶⁹

⁶⁵ Kementerian Pelajaran Malaysia (1982), *Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Matlamat, Rasional Bidang Pelaksanaan dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran*, c. 2. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. iii.

⁶⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia (1997), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, h. 1.

⁶⁷ *Ibid.*, h. 12.

⁶⁸ Kementerian Pelajaran Malaysia (2007), *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, h. 1.

⁶⁹ *Utusan Malaysia Online*, Julai 17, 2009 “j-QAF akan diperluas ke sekolah menengah”. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0717&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_32.htm, 1 Jun 2010.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah banyak mengubah cara hidup masyarakat sekaligus menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Walaupun negara pernah dijajah suatu ketika dahulu, agama Islam dan pendidikan mengenainya tetap terlaksana di negara ini. Dalam hal pendidikan, pengajian mengenai agama Islam turut diberikan keutamaan. Ini dapat dilihat apabila beberapa akta pendidikan yang digubal turut memasukkan perkara-perkara berkaitan agama Islam untuk diajar di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian. Ini menunjukkan bahawa perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia mendapat sokongan bukan sahaja dari rakyat yang memerlukan pendidikan tetapi juga oleh kerajaan yang menjamin polisi pendidikan ini dapat dilaksanakan.

Bibliografi

- Abdul Halim El-Muhammady (1984), "Pendidikan Islam: Skop dan Matlamat", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 1. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Abdul Halim Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Abdullah al-Qari Hj. Salleh (1989), *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. c. 3, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abdullah Ishak, (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Nasih Ulwan (1988), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ahmad Jelani Halimi (2008), *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Kilani Mohamed (2003), *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Ahmad Mohd. Salleh (2004), *Pendidikan Islam. Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Al-Hazimi, Khalid Bin Hamid (2000), *Usul al-Tarbiah al-Islamiyyah*. Madinah al-Munawwarah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Sharqawi, Hasan (1983), *Nahw Tarbiah Islamiah*. Iskandariah: Muassasah Thiyab al-Jam'i'ah.
- Auni Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Azyumardi Azra (1998), *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Fathi Yakan (1997), *al-Tarbiah al-Wiqaiyyah fi al-Islam*, c. 2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ghazali Basri (1984), "Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Ghazali Darussalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Haidar Putra Daulay, (2009), *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: PT RINEKA CIPTA.
- Hasan Langgulung (1986), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Langgulung (1997), *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawkins, Joyce M. (2001). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. c. 3. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam Mengikut Shor2 Penyata Razak 1965, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1979), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pelajaran Malaysia (1982), *Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Matlamat, Rasional Bidang Pelaksanaan dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran*, c. 2. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1992), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007), *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006), *Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman (2006), "The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Late Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya", (Kertas Kerja yang dibentangkan di Persidangan Persatuan Sejarah Dunia yang ke 15 yang diadakan di California, Amerika Syarikat pada 22-25 Jun 2006).
- Mohd Roslan Mohd Nor, et. al. (2008), "Madrasah System in Malaysia: Its Contribution and Challenges" (Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Area Studies, anjuran National Institute of Humanities, Japan & Asia-Europe Institute, Malaysia, 22-24 November 2008).
- Muhammad Idris al-Marbawi (1998), *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man.
- Muhd Nur Manutu (1984), "Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Beberapa Analisa Kritis Terhadap Pemikiran-pemikiran Asas Dalam Perspektif Sejarah", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.

- Ramlah Adam (1991), *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar (1984), "Ke Arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Shamsul Nizar (2001), *Pengantar Dasar-dasar Pemikiran Pendidikan Islam*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999), *The Concept of Education in Islam*. c. 3. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Malaysia Online*, Julai 17, 2009 "j-QAF akan diperluas ke sekolah menengah". http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0717&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_32.htm, 1 Jun 2010.